

30 JUL 1996

SAYA SIHAT, KATA MAHATHIR SELEPAS BAIK DARIPADA SELSEMA

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau berasa sihat selepas menghadapi selsema baru-baru ini.

"Saya rasa sihat," katanya kepada pemberita semasa ditanya mengenai kesihatannya selepas merasmikan persidangan Minyak dan Gas Asia di sini.

Ramai yang bimbang mengenai kesihatannya dan pasaran saham yang merosot minggu lepas dikaitkan dengan keadaan Dr Mahathir yang tidak sihat. --

BERNAMA

CTL RON